

Senarai hitam pembalok ingkar

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bharian.com.my

Jabatan Perhutanan Pahang arah tanam semula balak

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Pahang tidak teragak-agak menyenaraihitamkan syarikat pembalakan yang tidak mematuhi syarat penanaman semula selepas penebangan balak di hutan simpan di negeri ini.

Pengarahnya, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman, berkata tindakan tegas itu termasuk merampas deposit lesen pengeluaran bagi memastikan kemusnahan hutan simpan tidak terus berlaku pada masa depan.

Beliau berkata, kawasan seperti tempat pengumpulan balak atau matau, laluan utama pembalakan dan tapak rumah kongsi perlu ditanam dengan pelbagai spesies pokok balak selepas selesai melakukan aktiviti pengeluaran balak.

"Blok atau petak penebangan yang selesai dikeluarkan kayu perlu segera ditanam dengan spesies pokok lain seperti cengal, kapur, meranti, keruing, kempas dan balau.

"Tindakan berkenaan juga bagi mengelak berlakunya hakisan dan pencemaran terutama di kawasan tadahan air selain dapat membantu mengekalkan taburan pokok di kawasan hutan simpan," katanya pada program Kempen Menanam 26 Juta Pokok di Tasik Pelindung, Beserah, dekat sini, kelmarin.

Turut hadir Timbalannya, Abdul Khalim Abu Samah.

Sebanyak 500 pokok spesies bintangor laut, kelat laut dan



MOHD PAIZ (kiri) pada program Kempen Menanam 26 Juta Pokok di Tasik Pelindung, Beserah, Kuantan.

kelat pucuk merah ditanam lebih 100 pelajar dua sekolah menengah di sini termasuk penduduk tempatan.

Mohd Paiz berkata, tindak tegas merampas deposit lesen bergantung kepada saiz keluasan pembalakan dan nilai hasil yang diperoleh juga dapat membantu kerajaan memelihara flora dan fauna khazanah semula jadi di negeri ini untuk generasi akan datang.

"Apa diharapkan dengan peraturan ketat berkenaan ialah hutan simpan di negeri ini dapat terus kekal seterusnya boleh ditebang semula dalam tempoh 40 hingga 70 tahun akan datang.

"Usaha mengekalkan status hutan simpan turut membabitkan syarat paras had penebangan, pokok ibu, kawasan punca air, spesies pokok dan pokok sumber makanan," katanya.

Bagi kawasan lereng bukit dan bercerun, beliau menjelaskan, syarikat pembalakan disyaratkan untuk menanam pokok penutup bumi atau rumput yang berupaya mengelak berlakunya hakisan.

"Kita juga melakukan kerja menanam untuk mengekalkan taburan pokok balak terutama spesies berkualiti di kawasan hutan di negeri ini manakala kawasan hutan yang dikatego-

rikan bilangan pokok semakin kurang akan ditanam semula dengan pokok balak mengikut kesesuaian kawasan dan bentuk muka bumi," katanya.

Mohd Paiz berkata, sehingga bulan lalu, pihaknya berjaya menanam sebanyak 534,646 pelbagai spesies pokok di seluruh negeri membabitkan kawasan hutan, tepi pantai, pusat rekreasi, persekitaran sekolah dan taman permainan.